

25/04/1997

Kerajaan hormati mahkamah

Ebi Azly Abdullah

SUBANG, Khamis - Kerajaan akan menghormati sebarang keputusan mahkamah kerana ia dibuat berdasarkan fakta dan undang-undang negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri memberitahu Persidangan Tahunan Majlis Hakim-hakim Malaysia di sini hari ini, badan hakim perlu sentiasa bebas untuk membuat keputusan berdasarkan sistem undang-undang.

Ketua Hakim Negara, Tan Sri Mohd Eusoff Chin memberitahu pemberita selepas perjumpaan tertutup itu, Dr Mahathir juga berpuas hati dengan pengurusan majlis berkenaan.

"Perdana Menteri berpuas hati dengan sistem kehakiman negara. Beliau menyatakan kerajaan akan sentiasa menghormati keputusan mahkamah, kerana ia dibuat berdasarkan fakta dan undang-undang.

"Jika mana-mana pihak berkenaan tidak berpuas hati dengan keputusan itu, mereka boleh sentiasa merayu di Mahkamah Rayuan," katanya. Persidangan sehari itu dihadiri 73 hakim dari seluruh negara.

Mohd Eusoff berkata, sesi dialog itu diadakan kerana Dr Mahathir mahu menemui hakim di negara ini, dan ini adalah kali pertama pertemuan seperti itu diadakan.

"Majlis Hakim berbangga kerana Perdana Menteri menemui kami sekali gus membuktikan bagaimana beliau mengambil berat mengenai sistem kehakiman negara," katanya.

Beliau berkata, persidangan kali ini akan menyentuh kekurangan kakitangan di mahkamah dan isu gaji.

(END)